

Disediakan untuk: \_\_\_\_\_ Tarikh Cetakan: \_\_\_\_\_

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Polisi Insurans Allianz Care Individual. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syaratam.)

**Penyedia Khidmat Kewangan** : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad  
**Nama Produk** : Allianz Care Individual

### 1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan perlindungan untuk kemasukan ke hospital dan perbelanjaan pembedahan yang ditanggung disebabkan oleh penyakit-penyakit yang dilindungi di bawah polisi ini.

### 2. Apakah perlindungan/faedah-faedah yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- (a) Bilik dan penginapan hospital dari RM 110 sehari sehingga RM 400 sehari
- (b) Belanjapembedahan
- (c) Rawatankanserpesakitluardandialisibuahpinggangpesakitluar
- (d) Had Tahunan Keseluruhan dari RM35,000 sehingga RM125,000 bergantung kepada pelan

*Nota: Sila rujuk kepada ciri dan faedah penuh dan skala faedah-faedah di dalam kontrak polisi.*

Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

### 3. Berapakah premium yang saya perlubayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza-beza bergantung kepada pemilihan pelan yang diperlukan dan mengikut syarat-syarat pengunderaitan:

#### Premium Tahunan bagi Pelan Kemasukan Tunai

Lingkungan Umur	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)
30 hari – 5 tahun	821.00	682.00	581.00	421.00
6 tahun – 21 tahun	526.00	435.00	403.00	290.00
22 tahun – 29 tahun	702.00	581.00	536.00	387.00
30 tahun – 39 tahun	993.00	821.00	710.00	513.00
40 tahun – 49 tahun	1,275.00	1,057.00	916.00	663.00
50 tahun – 54 tahun	1,856.00	1,537.00	1,333.00	932.00
55 tahun – 59 tahun	2,260.00	1,872.00	1,619.00	1,170.00
60 tahun – 64 tahun	2,973.00	2,463.00	2,092.00	1,511.00
65 tahun – 69 tahun	3,743.00	3,098.00	2,959.00	2,137.00
70 tahun - 74 tahun	5,475.00	4,531.00	3,915.00	2,827.00
75 tahun - 79 tahun	7,121.00	5,893.00	5,092.00	3,677.00

#### Premium Tahunan bagi Pelan Kemasukan Tanpa Tunai

Lingkungan Umur	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
30 hari – 5 tahun	1,269.00	1,060.00	909.00	670.00
6 tahun – 21 tahun	717.00	601.00	562.00	419.00
22 tahun – 29 tahun	940.00	786.00	733.00	543.00
30 tahun – 39 tahun	1,376.00	1,147.00	1,000.00	734.00
40 tahun – 49 tahun	1,946.00	1,620.00	1,409.00	1,031.00
50 tahun – 54 tahun	2,814.00	2,338.00	2,030.00	1,478.00
55 tahun – 59 tahun	3,416.00	2,837.00	2,463.00	1,788.00
60 tahun – 64 tahun	4,483.00	3,721.00	3,166.00	2,298.00
65 tahun – 69 tahun	5,635.00	4,674.00	4,467.00	3,235.00
70 tahun - 74 tahun	7,460.00	6,197.00	5,385.00	3,922.00
75 tahun - 79 tahun	9,695.00	8,051.00	6,996.00	5,093.00

\* Premium ini termasuk Fi MCO sebanyak RM 28 setiap seorang.

Nota:

(a) Kadar premium adalah tidak dijamin. Faktor yang menyumbang kepada peningkatan kadar premium adalah pada pelan tertentu, inflasi perubatan, lingkungan umur, lokasi pekerjaan dan keperluan pengunderitan. Walaubagaimanapun, pengalaman lalu tidak semestinya mencerminkan arah aliran masa depan. Allianz akan memaklumkan Orang Yang Diinsuranskan secara bertulis sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tempoh Polis tahunan tamat bagimelaksanakan penyemakan kadar premium

4. **Apakah yuran dan bayaran yang saya perlubayar?**

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika	Sehingga 15%
Duti Setem	RM10
Fi MCO (termasuk 6% Cukai Perkhidmatan)	RM 28 seorang setiap tahun (termasuk dalam premium untuk pelan tanpa tunai)

5. **Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

(a) Kepentingan pendedahan

• **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatankontrak.

• **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatankontrak.

**Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.** Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- (b) Tempoh Bertenang – Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memulangkannya dalam masa lima belas (15) hari selepas anda menerima polisi ini. Premium yang telah anda bayar (setelah ditolak sebarang fi perubatan yang terlibat) akan dipulangkan kepada anda
- (c) Tempoh Tangguh – Kelayakan untuk faedah-faedah di bawah polisi hanya akan bermula tiga puluh (30) hari selepas tarikh polisi berkuatkuasa kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan
- (d) Kecuali diperbaharui, perlindungan akan tamat pada tarikh luput dan Allianz tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa perbelanjaan yang terlibat selepas tarikh luput
- (e) Amaun deduktibel – Anda harus membayar RM100 bagi setiap kemasukan ke hospital/pembedahan jagaan harian
- (f) Bayaran Bersama Bilik dan Penginapan – Jika anda dimasukkan ke hospital pada bilik dan penginapan yang lebih tinggi daripada faedah yang anda layak, anda hendaklah menanggung 20% daripada faedah-faedah lain yang dinyatakan dalam Jadual Faedah
- (g) Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang perlu dibayar haruslah diselesaikan bayarannya dan diterima Allianz sebelum perlindungan bermula. Insurans ini adalah terbatal dan tidak sah secara automatik jika syarat ini tidak dipatuhi

6. **Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh kejadian-kejadian berikut:

- (a) Keadaan-keadaan sedia ada dan penyakit-penyakit khusus
- (b) Bersalin
- (c) Kecacatan kongenital

- (d) Pembedahan kosmetik ataupun plastik
- (e) Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian ataupun pembedahan oral

*Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian dibawah polisi ini.*

**7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada Allianz. Semasa pembatalan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan skala kadar tempoh pendek dengan syarat bahawa anda tidak membuat tuntutan ke atas polisi ini. Skala kadar tempoh pendek ini boleh didapati di dalam polisi.

**8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan dalam alamat dan butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku panduan 'Insurans Perubatan & Kesihatan' dari insuranceinfo, yang boleh didapati di kesemua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi kami di:

**Pusat Kidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena  
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur.  
Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542  
Emel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)  
📍 📱 AllianzMalaysia  
🌐 [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

**10. Lain-lain jenis perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati:**

- (a) Allianz Care – SMI
- (b) Allianz BoosterCare

**NOTA PENTING:**

**ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/04/2020

